

Penerimaan dan Penolakan Masyarakat Bukan Islam di Malaysia terhadap
Hukum Jenayah Islam: Perbincangan dari Sudut Budaya Malaysia

(Acceptance and Refusal of the Non-Muslim Society in Malaysia towards the
Islamic Criminal Law: A Discussion from the Perspective of Malaysian
Culture)

AHMAD IQBAL BIN AZMAN
NURHAYATI BINTI MOHD ZAN
ELAVARASI MANOKARAN
ZULAIKHA SOLEHAH BINTI ISMAIL

ABSTRAK

Undang-Undang Islam sebenarnya sudah lama berakar umbi di Malaysia sejak kedatangan Islam di kepulauan Melayu. Hal ini boleh dilihat dengan kodifikasi perundangan di Kerajaan Kesultanan Melaka yang menggubal Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka yang berteraskan syariah dan adat. Perkara ini juga diikuti oleh kerajaan kesultanan yang lain seperti Pahang, Johor dan Terengganu. Malah, semasa kedatangan penjajah British, undang-undang Islam diiktiraf sebagai undang-undang di tanah ini. Namun, setelah sekian lama penjajahan oleh dunia Barat, perundangan di negara kita sudah berubah. Malah, selepas kemerdekaan negara kita, perundangan Islam tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Terdapat beberapa pihak yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan perundangan Islam, terutamanya hukum jenayah Islam di Malaysia kerana sebab-sebab yang tertentu. Artikel ini membincangkan hukum jenayah Islam dari sudut budaya Malaysia. Selain itu, artikel ini juga akan menganalisis penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Muslim di Malaysia terhadap hukum jenayah Islam serta menghuraikan cadangan penambahbaikan terhadap hukum jenayah Islam di Malaysia. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan bagi melaksanakan kajian ini seperti kajian kepustakaan dan soal selidik kepada responden-responden. Dapatan daripada soal selidik yang dilakukan menampakkan keputusan yang pelbagai, ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju. Secara umumnya, penulis berpendapat bahawa memberi penerangan yang lebih menyeluruh dan tidak apologetik akan dapat membantu pemahaman mereka berkenaan dengan hukum jenayah Islam, serta dilakukan dengan berhikmah dan berhemah.

Kata kunci: Hukum Jenayah Islam; Masyarakat Bukan Islam; Budaya Malaysia; Islam dan undang-undang; sejarah Malaysia.

ABSTRACT

The Islamic Law in Malaysia has been here for a long time since the arrival of Islam to the Malay Archipelago. It has been proved by the codification of mixed Islamic and Adat (Custom) Law when the reign of the Malacca Sultanate, in which promulgated the Malacca Code Law (Hukum Kanun Melaka) and Malacca Maritime Law (Undang-Undang Laut

Melaka). Since then, it had been followed and emulated by another Sultanate like Pahang, Johor, and Terengganu. In addition, it also recognised by the British coloniser, stating the Islamic law as the law of the land. However, this condition had changed after a long period of colonisation by the Western Imperialist, the laws had changed drastically. Even after the independence of this country, Islamic Law cannot be fully implemented, and there are some parties are not agreeing to the implementation of Islamic Law, specifically the Islamic Criminal Law which caused by various factors. This research will discuss the Islamic Criminal Law from the view of Malaysian Culture. It also touches on analysing the acceptance and refusal of the non-Muslim community in Malaysia towards Islamic Criminal Law and expounding some suggestions in improving Islamic Criminal Law in Malaysia. This research will use qualitative and quantitative approach in researching this topic, such as literature studies and surveys to respondents. Our findings show mixed reaction from the non-Muslim society towards the Islamic criminal law, whereby some of them agree with parts of the law, and some of them disagree to the same. The writers would like to propose some suggestions that would benefit the discourse on such matter, which is the dissemination of information about Islamic criminal law, which is whole and unapologetic, done with wisdom and prudent.

Keywords: Islamic Criminal Law; Non-Muslim Society; Malaysian Culture; Islam and laws; Malaysian history.

PENGENALAN

Setiap manusia berpegang pada agama yang menjadi asas kepada kehidupan. Oleh itu, bagi sesebuah negara yang meletakkan agama dalam perlembagaannya seperti Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan sudah tentu mempunyai institusi dan jabatan tertentu yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Islam dan masyarakat Muslim di Malaysia. Namun begitu, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa, kaum dan agama. Oleh itu, dalam memahami, mengetahui dan mempraktikkan amalan agama Islam dalam sistem hukuman jenayah Islam, pastinya wujud penerimaan dan penolakan daripada masyarakat bukan Muslim di Malaysia (Nur Farhana & Nur Solehah 2018). Hukum jenayah Islam merupakan undang-undang yang sesuai diaplikasikan kepada semua masyarakat pada semua zaman. Hal ini kerana undang-undang jenayah Islam meliputi semua aspek kehidupan dan bersesuaian dengan

fitrah kejadian manusia. Walaupun begitu, masih terdapat segelintir masyarakat bukan Muslim yang tidak dapat menerima pelaksanaan hukum jenayah Islam di Malaysia atas beberapa faktor.

Menurut Siti Zubaidah (2014), perbincangan mengenai jenayah Islam selalunya lebih tertumpu pada kesalahan jenayah syariah yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri. Oleh itu, pendekatan yang diambil dalam membincangkan isu ini tidak pernah difokuskan kepada peranannya dalam membendung jenayah dalam masyarakat. Hal ini kerana wujud kekangan kuasa dan bidang kuasa yang menghadkan pelaksanaannya terhadap kesalahan yang bertentangan dengan rukun Islam dan hanya terpakai kepada penganut agama Islam. Dalam artikel ini, penulis akan menjelaskan dengan lebih mendalam tentang kesan penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Muslim terhadap hukum jenayah Islam. Perbincangan kajian ini merangkumi perbincangan hukum jenayah Islam dari sudut budaya Malaysia, analisis penerimaan dan penolakan masyarakat

bukan Muslim di Malaysia terhadap hukum jenayah Islam serta cadangan penambahbaikan terhadap hukum jenayah Islam di Malaysia.

LATAR BELAKANG

Undang-Undang Islam sebenarnya sudah lama berakar umbi di Malaysia sejak kedatangan Islam di kepulauan Melayu. Hal ini boleh dilihat dengan kodifikasi perundangan di Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang menggubal Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka yang berteraskan syariah dan adat. Perkara ini juga diikuti oleh kerajaan kesultanan yang lain seperti Pahang, Johor dan Terengganu. Malah, semasa kedatangan penjajah British, undang-undang Islam diiktiraf sebagai undang-undang di tanah ini. Namun, penjajahan oleh dunia Barat dalam tempoh yang lama telah mengubah sistem perundangan di negara ini. Pada tanggal 25 Februari 2021, keputusan Mahkamah Persekutuan telah mengubah landskap perundangan syariah di negara kita, iaitu peruntukan jenayah syariah yang melibatkan kesalahan seksual luar tabii tidak boleh dilaksanakan oleh pihak negeri dan keputusan ini telah diterima oleh segolongan masyarakat yang dikenali sebagai masyarakat liberal. Sikap prejudis terhadap undang-undang jenayah syariah yang dianggap mencerooh privasi seseorang telah lama menjadi salah satu daripada perjuangan kelompok liberal dan mereka pernah bergabung di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Malaysians Against Moral Policing pada tahun 2005 (Marzuki Mohamad 2008).

Peranan undang-undang jenayah Islam kurang berkesan dalam membendung kegiatan jenayah dalam masyarakat. Hal ini disebabkan oleh kewujudan kekangan bidang kuasa mahkamah yang mengehadkan pelaksanaannya terhadap jenayah yang bertentangan dengan rukun Islam dan hanya boleh dilaksanakan atas penganut agama Islam dan dikategorikan sebagai

kesalahan yang tiada mangsa (victimless crime) (Siti Zubaidah Ismail 2014). Banyak juga perbincangan tentang hudud dan undang-undang jenayah Islam dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan baik oleh ahli akademik, ahli politik mahupun masyarakat awam (Shamrahayu A Aziz 2009). Isu hukuman jenayah Islam secara teoretikal dan juga kesalahan jenayah syariah berasaskan kandungan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri sering mendapat kritikan daripada masyarakat bukan Muslim. Bertitik tolak daripada situasi ini, artikel ini ingin meneliti kesan penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Muslim terhadap hukum jenayah syariah terutamanya peruntukan jenayah syariah yang sedia ada dan juga hukum-hukum jenayah syariah yang relevan. Artikel ini juga ingin membuat penelitian kepada hukum jenayah syariah itu sendiri dari kaca mata budaya dan adat di Malaysia sama ada masih boleh diaplikasikan di negara ini atau boleh memberikan kesan kepada fabrik sosial di negara kita ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Agama Islam ialah agama yang mempunyai banyak perbezaan dengan agama-agama yang lain. Dalam Islam, penggunaan akal untuk menentukan keputusan yang baik bagi umat Islam adalah dibolehkan, namun ia mestilah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ia boleh dilihat dari segi hukum jenayah Islam. Dalam aspek hukum jenayah Islam, terdapat kategori-kategori hukuman yang telah ditentukan oleh Allah SWT dan ada juga yang memerlukan ijtihad para ulama dalam menggunakan akal dan dalil yang bukannya hanya pandangan akal dan nafsu manusia semata-mata.

Kehidupan dalam bermasyarakat memerlukan undang-undang yang sempurna dan adil bagi menegakkan perkara yang benar dan menubuhkan perkara yang batil. Oleh itu, sejak dahulu kala, manusia telah mencipta peraturan dan

undang-undang menggunakan akal sendiri untuk digunakan dalam kehidupan bermasyarakat. Namun, disebabkan oleh kemampuan akal manusia yang terbatas dan dipengaruhi oleh hawa nafsu yang mendorong kepada kelemahan, maka undang-undang yang dicipta itu mempunyai seribu macam kekurangan. Oleh itu, dalam Islam, terdapat undang-undang yang bertunjangan wahyu Ilahi, iaitu undang-undang yang tepat dengan fitrah kejadian manusia yang datang daripada pencipta manusia, iaitu Allah SWT (Muhammad 2014).

Walaupun undang-undang Islam merupakan undang-undang yang dianggap sempurna dan sesuai dalam setiap lapisan masyarakat, namun terdapat juga segelintir pihak yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan hukum jenayah Islam ini seperti ahli akademik, ahli politik mahupun masyarakat awam. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan daripada kata-kata, bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak, iaitu:

Kerajaan Persekutuan tidak akan melaksanakan undang-undang hudud di Malaysia. Walaupun hukum tersebut adalah undang-undang Tuhan, namun pelaksanaannya perlu berasaskan kepada realiti.

Pada masa yang sama, terdapat juga sebahagian daripada masyarakat bukan Islam dilihat tidak begitu selesa dengan perkembangan mengenai polemik negara Islam dan pelaksanaan hukuman hudud (Siti 2014). Menurut Naib Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), iaitu Ahmad Tarmizi Sulaiman menyifatkan komen seorang penyokong Gerakan, Andy Chew Andyphilcol di laman Facebook, iaitu "Andy wait until one fine day their daughters or grand-daughters being raped by a muslim man. Then they will cry!" jelas bernada provokasi jahat terhadap pihak yang ingin melaksanakan hudud. Menurutnya, "walaupun ia adalah episod 'perang anak-beranak' yang

menolak hudud, namun kenyataan beliau yang menganggap undang-undang hudud sebagai tidak adil dan membebankan mangsa rogol mendapatkan pembuktian jenayah adalah suatu pembohongan" (Anon. 2014). Menurut Nik, Anwar, Mohammad, Muhammad dan Adib (2015), Merdeka Centre telah menjalankan kaji selidik pada bulan April 2014 ke atas 1009 orang responden. 58% responden Melayu, 59% responden Cina dan 61% responden India beraskan negara ini tidak bersedia untuk pelaksanaan hudud. Fakta mengenai penolakan dan penerimaan masyarakat bukan Islam ini telah menyebabkan penulis ingin mengkaji sendiri adakah benar pada tahun 2021 ini masih terdapat golongan bukan Islam yang masih menerima dan menolak hukum jenayah Islam.

PERBINCANGAN HUKUM JENAYAH ISLAM DARI SUDUT BUDAYA MALAYSIA

Islam dan Undang-Undang

Islam merupakan satu agama yang meliputi segala aspek kehidupan, atau dipanggil al-Din yang mana segenap kehidupan manusia akan berlandaskan hukum dan syariat Islam, daripada sekecil-kecil unit individu hingga sebesar-besar sebuah empayar. Semuanya tertakluk pada perintah dan larangan syariat Islam. Hal ini termasuklah dengan undang-undang yang mentadbir perlakuan dan gerak masyarakat bagi memastikan keharmonian mereka. Allah SWT berfirman dalam Al-Quran,

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.¹

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah menyempurnakan agama ini sehingga kita tidak memerlukan agama lain, dan Nabi Muhammad sebagai nabi

kita sehingga tiada nabi lain yang merupakan satu nikmat Allah yang terbesar (Alu Syaikh 2014). Islam juga meletakkan peraturan dan larangan yang perlu diikuti oleh manusia berserta hukuman yang disediakan bagi memastikan keadilan itu ditegakkan. Sebelum berbincang lebih lanjut, marilah kita lihat definisi atau pengenalan kepada undang-undang dan undang-undang jenayah.

Undang-undang boleh diertikan sebagai satu badan peraturan yang boleh dikuatkuasakan untuk mentadbir atau mengurus masyarakat.² Dalam syariat Islam, undang-undang mempunyai pelbagai bentuk, tetapi membawa makna yang sama, seperti syariah, hukum dan kanun (Dewan Bahasa dan Pustaka 2020). Menurut beberapa sarjana akademik seperti Muhammad Fathi Yusof (2014), undang-undang Islam itu sebagai syariat yang bermaksud apa yang ditetapkan oleh Allah kepada hamba-Nya berupa al-Din (agama) yang mana skopnya adalah menyeluruh dan luas seperti ibadat, kekeluargaan, jenayah, muamalat, dan siasah. Beliau juga menambahkan bahawa maksud asal syariat itu ada perkaitannya kerana syariat itu bermakna jalan ke arah air, dan air merupakan keperluan manusia yang paling penting. Oleh itu, syariat itu amat serasi dengan kehendak dan pembangunan masyarakat sebagaimana air memenuhi keperluan kita. Selain itu, Mohd Mustaffa Jusoh et al (2017), perundangan Islam bermakna satu sistem perundangan yang matlamatnya adalah untuk mencapai asas kemaslahatan dalam kehidupan yang bersumberkan ketetapan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW yang mana pengaplikasiannya sesuai menurut zaman melalui mekanisme ijtihad dan ijmak yang merupakan sebahagian daripada elemen pembentukan syariah Islam yang luas. Kita boleh lihat bahawa undang-undang Islam atau syariat Islam boleh disimpulkan sebagai peraturan dan larangan yang datang daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW yang mana ia

diaplikasikan melalui mekanisme usul *fiqh* untuk kesesuaian dan keserasian kepada masyarakat menurut zaman.

Seterusnya, perbincangan dalam artikel ini ditumpukan pula secara khusus pada satu daripada cabang syariat Islam, iaitu berkenaan dengan jenayah. Menurut Mohd Mustaffa Jusoh et al (2017), jenayah itu adalah larangan syarak yang dicegah melalui hukuman atau takzir oleh Allah SWT. Ia meliputi semua kesalahan jenayah dalam Islam, hukuman terhadap kesalahan, serta kaedah percabaran dan pembuktian bagi setiap kesalahan yang ditetapkan. Manakala Sa'id Ibrahim (1996) menyatakan bahawa jenayah atau *jinayah* ditakrifkan sebagai perbuatan atau perilaku jahat yang dilakukan oleh seseorang untuk mencero bohi atau mencabul kehormatan jiwa atau tubuh badan seseorang yang lain dengan sengaja. Pentakrifan diberikan di atas adalah berkaitan dengan jenayah yang boleh dihukum dengan *qisas* atau diyat. Selain itu, kesalahan melibatkan harta, akal fikiran dan sebagainya adalah termasuk jenayah yang umum yang boleh dihukum dengan hudud, *qisas*, diyat atau takzir (Sa'id Ibrahim 1996).

Hukum jenayah Islam boleh dibahagikan kepada tiga kategori umum, hudud, *qisas* dan takzir (Paizah Ismail 2002; Said Ibrahim 1996). Hudud ditakrifkan sebagai keseksaan yang bentuknya telah ditetapkan oleh syarak dan dilaksanakan bagi tujuan menjaga hak Allah SWT (Paizah Ismail 2002). Ia tidak boleh diubah dan bentuknya kekal selamanya, tiada sesiapa yang boleh mengampun kesalahannya. Qisas pula ialah hukuman balas bagi kesalahan membunuh dibalas dengan bunuh, menghilangkan satu daripada anggota orang lain atau melukakannya atau mencederakannya dibalas dengan hukuman mengikut jenis kesalahan yang dilakukannya (Mohd Mustaffa Jusoh et al 2017). Terakhir sekali, takzir yang ditakrifkan sebagai hukuman yang tidak ditentukan kadarnya oleh syarak kepada penjenayah (Mohd Mustaffa Jusoh et al

2017). Tambahan, diyat pula boleh didefinisikan sebagai denda yang wajib dibayar oleh orang yang melakukan jenayah kerana kesalahan jenayahnya sebagai ganti *qisas* (Mohd Mustaffa Jusoh et al 2017; Paizah Ismail 2002).

Sejarah Hukum Jenayah Islam di Malaysia

Sebelum kedatangan peradaban luar seperti Islam, Hindu-Buddha dan Barat ke Kepulauan Melayu, terdapat bukti sejarah menunjukkan bahawa wujudnya sistem perundangan dalam kalangan orang asal, terutamanya di Tanah Melayu. Walaupun sistem perundangan yang ada itu tidak teratur, ia masih menunjukkan bahawa wujudnya peradaban di Tanah Melayu. Ahmad Ibrahim et al (2007) dan Sayed Sikandar (2011) menyatakan bahawa terdapat tiga golongan yang mempunyai sistem perundangannya yang tersendiri, Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Ketiga-tiga golongan ini tertumpu di Semenanjung Tanah Melayu. Pertama ialah Negrito. Ketua kaum Negrito mempunyai kuasa yang mutlak ke atas orang-orangnya. Jenis jenayah yang ada, seperti mencuri sumpit, melarikan perempuan yang bersuami dan membunuh, hukumannya pula berbentuk denda sahaja. Seterusnya, bagi kaum Senoi pula, antara kesalahan yang ada ialah membunuh yang mana hukumannya adalah bunuh dan dijatuhkan oleh jemaah pengadilan (Ahmad Ibrahim et al 2007). Bagi kaum Melayu Asli, ia adalah menurut kaum masing-masing yang mana kesalahan dan hukuman adalah berbeza, namun hukuman yang paling sinonim ialah hukuman denda. Di Sabah dan Sarawak pula, seperti mana di Semenanjung Tanah Melayu, ia menerima pakai undang-undang adat yang mana ia bertujuan untuk menjaga kepentingan puak.

Terdapat pelbagai pandangan berkenaan dengan kedatangan Islam di Kepulauan Melayu. Antara pandangan yang ada adalah pada abad ketujuh/ketiga belas (Abad ke-7/13) Masihi, pedagang

Arab yang juga pendakwah Sufi datang berdagang di Kepulauan Melayu bersama-sama berdakwah kepada penduduk tempatan (Ahmad Fauzi 2009), terutamanya di Palembang dan Kedah (Muhammad Fathi Yusof 2014). Malah kerajaan Islam pertama yang dicatatkan ialah Kerajaan Islam Pasai di Sumatera pada abad ke-14 Masihi (Muhammad Fathi Yusof 2014). Namun, menurut Muhammad Fathi Yusof (2014), perkembangan pesat agama Islam boleh dilihat semasa pemerintahan Empayar Kesultanan Melaka pada abad ke-15 Masihi, menyebabkan penyebaran agama ini ke seluruh Tanah Melayu, Pulau Jawa, Borneo, Sulawesi dan Mindanao.

Seterusnya, berkenaan dengan hukum atau perundangan Islam pula, rujukan boleh dibuat kepada Batu Bersurat Terengganu yang telah menunjukkan terdapatnya catatan berkenaan dengan hukuman hudud, iaitu kesalahan zina yang dihukum dengan sebat seratus kali bagi yang belum berkahwin dan hukum rejam sampai mati kepada yang sudah berkahwin dan merasai persetubuhan halal (Muhammad Fathi Yusof 2014). Kemuncak kepada peradaban Islam di Tanah Melayu adalah apabila perundangan Islam telah dikanunkan dan ditulis, iaitu semasa Kesultanan Melayu Melaka, Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka yang menggunakan undang-undang Islam dan adat sebagai asas kepada penulisan dokumen tersebut. Hukum ini merangkumi peraturan berkenaan dengan kekeluargaan, perdagangan, jenayah dan pentadbiran, termasuk juga keterangan dan acara (Muhammad Fathi Yusof 2014; Mohd Nasran et al 2015). Malah, Hukum Kanun Melaka telah menjadi asas kepada dokumen-dokumen perundangan di negeri-negeri Melayu yang lain, seperti Undang-Undang 99 Perak, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Pahang dan Undang-Undang Johor. Tambahan pula, Kerajaan Johor Moden pada tahun 1914 telah menterjemahkan dan mengkanunkan

peraturan yang diambil daripada Kerajaan Turki Uthmaniyyah (Muhammad Fathi Yusof 2014). Semua penemuan ini menunjukkan bahawa Tanah Melayu dan kawasan sekitarnya (Kepulauan Melayu) telah mempunyai perundangannya yang tersendiri dan melaksanakan perundangan Islam sebagai undang-undang di tanah ini. Penemuan ini juga menunjukkan bahawa rakyat dan pemerintah di tanah ini menerima Islam dan perundangannya sebagai cara hidup dan pemerintahan mereka. Walaupun begitu, undang-undang yang ada pada zaman itu tidak boleh disokong sepenuhnya kerana ia terdedah kepada kekurangan, iaitu undang-undang adat yang melindungi sesetengah golongan seperti bangsawan (Mohd Farhan et al 2019). Namun, pengaplikasian undang-undang Islam di kawasan ini adalah bersifat beransur-ansur dan masih tidak sempurna kerana pemahaman tentang Islam yang masih belum kuat dan percampuran antara agama dengan budaya serta pengaruh Hindu-Buddha yang kuat, pendakwah-pendakwah sufi hanya mengambil berat tentang perubahan sosial berbanding dengan transformasi perundangan dan politik. Hal ini sebagaimana pendapat R.O. Winstedt bahawa terdapatnya pertindihan yang banyak antara undang-undang Islam dengan adat seperti dalam kes-kes yang melibatkan pembunuhan yang masih tidak mengikut sepenuhnya undang-undang *qisas* (Ahmad Fauzi 2009).

Namun demikian, kedatangan penjajah terutamanya Inggeris ke Kepulauan Melayu mengubah segalanya. Penjajahan Portugal pada tahun 1515 dengan penawanan Melaka menyebabkan bermulanya detik hitam ke atas perundangan Islam. Namun, yang paling mempengaruhi cara dan sistem pentadbiran dan perundangan di tanah ini ialah penjajahan Inggeris (Britain). Penguasaan Inggeris ke atas Pulau Pinang memulakan kemasukan pengaruh Undang-undang Inggeris atau *common law* ke atas Tanah Melayu. Walaupun undang-undang

Islam diterima sebagai undang-undang di tanah ini seperti dalam kes *Ramah v Laton* (1927) 6 FMSLR 128 dan kes *Shaikh Abdul Latif and others v Shaikh Elias Bux* (1915) 1 FMSLR 204, undang-undang Inggeris telah dipakai untuk menggantikan undang-undang tempatan. Malah dalam kes *Regina v Willans* (1858) 3 Ky. 16, Sir Benson Maxwell menyatakan bahawa tidak terdapat undang-undang yang diiktiraf di Pulau Pinang. Menurut Sayed Iskandar 2011, Undang-undang Inggeris, pertamanya masuk melalui Piagam Keadilan 1807 dan 1824 di Pulau Pinang dan Melaka, seterusnya ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1936, Sarawak, 1949 dan akhirnya di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Sabah pada tahun 1951. Hal ini telah menyebabkan undang-undang Islam hanya terkait dengan kekeluargaan, warisan dan aspek jenayah Islam (Abdul Monir 2009). Ketidakteraturan undang-undang ini telah diluruskan melalui pengenalan Kanun Keseksaan 1976, memberhentikan penggunaan undang-undang Islam dalam bidang jenayah dan dikuatkan dengan pengenalan Akta Undang-Undang Sivil 1956. Akta ini menjadi permulaan kepada pengaplikasian undang-undang Inggeris di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebagaimana statut yang telah memasukkan prinsip undang-undang Inggeris seperti Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan (Sayed Iskandar 2011).

Selain itu, pentadbiran keadilan syariah juga menerima kesan yang besar akibat kemasukan dan penjajahan Inggeris. Menurut Abdul Monir (2009), kedudukan Mahkamah Kadi dan Mahkamah Naib Kadi yang diwujudkan mempunyai kedudukan yang rendah dalam hierarki Mahkamah Awam, lebih rendah daripada Mahkamah Majistret. Malah, ini dikuatkan lagi dengan Ordinan Mahkamah 1948 yang telah mengeluarkan dan mengabaikan Mahkamah Kadi ini dalam hierarki Mahkamah Persekutuan, sehingga dikenali sebagai Mahkamah Syariah di bawah

kuasa kerajaan negeri (Abdul Monir 2009). Perkara ini berjalan sehingga selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957 dan kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia pada 1963, kedudukannya masih sama. Namun, setiap negeri mempunyai perundangannya yang tersendiri dalam pentadbiran agama Islam seperti penggubalan enakmen pentadbiran agama islam negeri, dan pengenalan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 yang memberikan kuasa menghukum bagi kesalahan jenayah syariah yang terhad dengan hukuman yang terhad.

Kita dapat lihat perjalanan hukum jenayah Islam di Malaysia mempunyai liku-likunya, malah kita boleh lihat terdapatnya halangan-halangan yang nyata, sama ada secara perlembagaannya atau secara politiknya untuk memperkenalkan semula hukum jenayah Islam di Malaysia, terutamanya di Kelantan (Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993)³ dan Terengganu (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu (Hudud dan Qisas) 2001). Kedua-dua perundangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan perundangan di peringkat persekutuan walaupun hal ehwal Islam dan orang Islam terletak di bawah kuasa negeri berdasarkan Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Namun, ia masih lagi tertakluk pada kuasa Persekutuan kerana terdapat beberapa bidang yang merupakan kuasa Persekutuan, seperti jenayah. Hal ini diperkukuh lagi dengan pentafsiran perlembagaan yang dilakukan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Iki Putra Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor* [2021] 3 CLJ 465 yang mana ‘perintah agama itu’ diberi takrif yang luas dan bukan sahaja kepada bentuk upacara dan ibadat, namun ia masih tertakluk pada proviso yang seterusnya, iaitu “kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.” Hal ini memberikan makna bahawa ia masih tertakluk pada kuasa

Persekutuan untuk menggubal sesuatu perundangan, seperti mana dalam kes ini, berkaitan dengan jenayah yang termausk dalam bidang kuasa Persekutuan. Selain itu, bukan sahaja peruntukan ini menghadkan perkara berkaitan dengan Islam, malahan ia termasuklah peruntukan lain dalam Perlembagaan (Mohammad Hashim Kamali 1998). Kita hanya akan membincangkan hukum jenayah Islam dan budaya Malaysia yang boleh dikatakan berakar umbi daripada Perlembagaan Persekutuan Malaysia⁴ dan Rukun Negara yang diperkenalkan pada 1970 (Kementerian Perpaduan Negara 2021). Hal ini berdasarkan model yang diambil daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dengan pindaan semasa kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura pada 1963.

Hukum Jenayah Islam dan Budaya Malaysia: Suatu Penilaian

Budaya memainkan peranan yang penting untuk sesebuah negara kerana ia melambangkan identiti sesebuah negara kerana rakyatnya yang akan mencerminkan negara itu. Tanpa budaya, kesepaduan di negara itu akan dilihat rapuh dan akan mencari identiti lain untuk menggantikan budaya suatu kaum bagi menjaga dan menyatupadukan rakyat negara itu. Sebagai contoh, Amerika Syarikat tidak mempunyai budaya yang dominan, namun Perlembagaan mereka berjaya menyatukan mereka sebagai prinsip hidup bermasyarakat.

Di Malaysia, hubungan etnik berbentuk “perpaduan dalam kepelbagaian,” yang secara amnya berbentuk aman damai dengan hubungan etnik yang harmoni sesuai dengan hakikat, iaitu masih ada naik dan turunnya (Shamsul Amri Baharuddin 2012). Shamsul Bahri Baharuddin (2012) mentakrifkan budaya sebagai satu sistem pemahaman dan kelakuan yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu

generasi yang lain. Ia meliputi semua adat, nilai dan tradisi yang dipelajari daripada persekitarannya. Budaya di Malaysia boleh dikatakan sebagai pelbagai dan masih diamalkan oleh setiap kaum dan etnik, yang menyebabkan kesepaduan sosial di Malaysia berbentuk “perpaduan dalam kepelbagaian.” Namun, menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012), budaya di Malaysia telah agak berubah disebabkan oleh faktor penyebab seperti interaksi antara budaya seperti masakan etnik Cina telah berubah daripada etnik Cina di China disebabkan oleh interaksi dengan etnik Melayu dan India.

Konsep budaya di Malaysia, iaitu perpaduan dalam kepelbagaian dikukuhkan lagi dengan dasar dan pandangan kerajaan terhadapnya. Kementerian Perpaduan Negara (2021) menyatakan bahawa kesepaduan sosial digunakan bagi membentuk perpaduan nasional kerana masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama telah hidup aman damai, stabil dan harmoni kerana adanya kesepakatan sosial yang dibina. Tambahan lagi, perpaduan yang ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk identiti nasional seperti satu bangsa dan satu bahasa, “Perpaduan dalam Kepelbagaian” diambil sebagai konsep perpaduan di negara ini kerana mengambil kira konteks negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, bahasa, agama dan budaya. Bagi mencapai perpaduan ini, Kementerian Perpaduan Negara (2021) telah mencadangkan konsep perpaduan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Persoalan yang sering timbul berkenaan dengan pelaksanaan hukum jenayah Islam ialah: (1) ketidaksesuaian dengan budaya Malaysia yang mempunyai kepelbagaian etnik dan agama; (2) halangan daripada Perlembagaan Persekutuan; (3) halangan berbentuk tekad politik; dan (4) pentafsiran hukum jenayah Islam (Abdul Aziz Bari 2002; Abdul Monir 2009; Mansor Sulaiman 2014;

Mohammad Hashim Kamali 1998; Mohd Nasran et al 2015; Muhammad Fathi Yusof 2014).

Jika kita melihat kepada persoalan yang pertama dan kedua, ia amat berkait rapat antara kedua-duanya kerana ia melibatkan kedudukan dan sosiobudaya masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Adakah pengenalan semula kepada hukum jenayah Islam di Malaysia akan memberikan kesan kepada pihak-pihak yang tidak beragama Islam dan tidak berbudaya Melayu? Pandangan kami terhadap persoalan ini ialah mereka tidak akan terkesan dengan penguatkuasaan perundangan jenayah Islam di Malaysia. Hal ini kerana sekiranya pelaksanaan hukum ini dilakukan dengan sebaiknya, maka secara tidak langsung, ia akan memberikan kelebihan kepada mereka. *Status quo* atau keadaan semasa kita pada hari ini, dihalang secara perlembagaan dan secara tekad politik di mana senarai kuasa dalam Perlembagaan telah menyenaraikan kuasa yang dibahagikan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri. Kebimbangan masyarakat bukan Islam adalah selalunya berkaitan dengan kesaksamaan dalam keadilan dan satu ancaman terhadap budaya dan agama mereka kerana terpaksa menerima hukum atau perundangan agama Islam (Mohd Nasran et al 2015). Asas kepada kekhuatiran mereka adalah kerana label agama dan kepada jenis kesalahan yang terdapat dalam hudud, seperti zina, *syarb khamr* (minum arak), juga berkenaan dengan kesamarataan berdasarkan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.⁵ Sebenarnya mereka tidak sepatutnya khuatir kerana menurut Mohd Mustaffa Jusoh et al (2017), mengambil pandangan Ibnu Qudamah, pendakwaan antara orang Islam dengan bukan Islam dhimmi perlu dijalankan melalui undang-undang Islam, manakala sekiranya antara bukan Islam, maka mereka diberi pilihan. Namun, sekiranya dilaksanakan juga atas orang bukan Islam, ia tidak akan mengubah

kedudukan mereka kerana mereka masih akan mendapat keadilan yang sepatutnya.

Dari segi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, kita tidak dapat lihat larangan total dalam pelaksanaan hukum jenayah Islam ini sekiranya dilakukan dan dilaksanakan dengan sempurna mengikut adat setempat. Dalam kes *Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor* (1988) 2 MLJ 55, Salleh Abbas LP menyatakan bahawa kedudukan Islam hanya berbentuk upacara dan ibadat, dan bukannya untuk meletakkan kedudukan negara Malaysia sebagai sebuah Negara Islam yang disebabkan oleh penjajahan British. Malah, semasa penggubalan dan pendrafan Perlembagaan Persekutuan oleh Suruhanjaya Perlembagaan, dinyatakan bahawa kemasukan agama Persekutuan tidak akan memberikan anggapan bahawa negara ini bukan negara sekular (Ahmad Fauzi 2009). Pentafsiran ini tidak boleh diterima secara total dalam pentafsiran perlembagaan oleh mahkamah kerana pertamanya, tidak melihat secara keseluruhan kepada sejarah dan kedudukan agama di tanah ini; dan keduanya, keanggotaan Suruhanjaya Perlembagaan yang tidak disertai oleh rakyat tempatan. Kedudukan negara Malaysia berada dalam kawasan kelabu, bukan sebuah negara sekular secara total atau negara Islam secara keseluruhan (Abdul Aziz Bari 2002). Terdapat pelbagai pandangan berkenaan dengan pelaksanaan hukum jenayah Islam dari sudut perlembagaannya. Ada yang menyatakan bahawa perlembagaan perlu dipinda dan ada yang mengatakan tidak perlu (Abdul Aziz Bari 2009; Mansor Sulaiman 2014). Namun, kita boleh lihat sebenarnya pelaksanaan yang paling sesuai adalah dengan melakukan kedua-dua pendekatan, iaitu mengubah perundangan yang sedia ada kepada yang lebih Islamik. Sebagaimana yang diketahui, jenayah di Malaysia ditadbir dan diuruskan oleh Kanun Keseksan (Akta 574). Segala apa yang dijayahkan oleh Kanun tersebut, ia

menjadi jenayah dan boleh dihukum. Pandangan Tun Abdul Hamid Mohamad (2014) dan Siti Zubaidah Ismail (2014) lebih bersesuaian dan realistik kerana melihatkan kepada keadaan semasa yang mana pentingnya mempunyai tekad politik dalam pelaksanaan perundangan jenayah Islam ini. Hal ini menunjukkan hukum jenayah Islam ini lebih kepada penyelesaian masalah moral dan mekanisme mempromosikan etika masyarakat. Ia perlu dilihat sebagai pembendung peningkatan jenayah harta dan moral masyarakat berbanding dengan melabelkan ia sebagai hukum Islam yang sememangnya akan mendapat pertentangan daripada masyarakat bukan Islam (Siti Zubaidah Ismail 2014).

Penyelesaian bentuk ini akan memberikan kelebihan bukan sahaja dalam bentuk contoh yang baik, malah akan menyebabkan pindaan perlembagaan tidak perlu dilakukan yang memerlukan kepada tatacara yang ketat. Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan tidak akan menjadi alasan yang kukuh dalam penolakan pelaksanaan hukum ini kerana ia dilaksanakan selaras dengan Senarai Persekutuan (kesalahan berbentuk awam) dan Senarai Negeri (kesalahan berbentuk persendirian) sebagaimana yang diutarakan oleh Siti Zubaidah Ismail (2014). Malahan, ia akan membantu lagi dalam menunjukkan kelebihan dan faedah pelaksanaan hukum jenayah Islam. Menurut Hamdani (2020), falsafah penghukuman dalam Islam adalah berbentuk pembalasan, pencegahan, pencegahan kepada penjenayah, kewujudan keadilan dan penghapus dosa di mana hukuman yang dikenakan di bawah Kanun Keseksan adalah semata-mata pembalasan, malah hanya kepada pemerintah negara sahaja atas nama keselamatan dan ketenteraman awam. Hukuman mati, pemenjaraan dan denda sahaja diberikan oleh Kanun Keseksan yang mana dilihat tidak memberikan keadilan sepenuhnya kepada mangsa dan waris mangsa, manakala hukuman dalam

Islam yang pelbagai dan memenuhi tuntutan mangsa dan warisnya seperti *qisas* (Hamdani 2020). Selain itu, pentafsiran hukum jenayah Islam yang pelbagai hanya akan menyebabkan ketidaksepakatan antara pemerintah dengan ulama. Pada pandangan kami, perlunya satu badan yang bertindak sebagai Mufti Negara bagi memastikan penyelarasan dalam pandangan berkenaan dengan hukum jenayah Islam (Abdul Monir 2009).

Kebebasan beragama sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan masih lagi terjaga kerana sekiranya pelaksanaan hukum jenayah Islam itu dilakukan mengikut bidang kuasa masing-masing, maka, kepentingan sah kaum-kaum lain yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan masih lagi terjaga.

Berkenaan dengan kesesuaian pelaksanaan hukum jenayah syariah di Malaysia, penulis berpendapat bahawa ia tidak akan melanggar budaya di Malaysia yang rencam dan pelbagai. Pelaksanaan perundangan Islam tidak menyebabkan mereka tidak boleh berbudaya dan beragama seperti biasa jika kita melaksanakan dengan berhati-hati dan baik. Perlembagaan Persekutuan sebagai tunjang kepada identiti perpaduan negara juga tidak menghalang pelaksanaan hukum ini, cuma memerlukan penelitian dan perancangan yang mendalam. Penulis berpendapat bahawa hukum jenayah Islam boleh dilaksanakan di Malaysia kerana ia masih berdasarkan budaya Malaysia dan tidak akan memberikan kesan yang buruk kepada fabrik sosial, iaitu jaringan atau sistem sosial yang membentuk perhubungan antara ahli masyarakat.

ANALISIS PENERIMAAN DAN PENOLAKAN MASYARAKAT BUKAN ISLAM TERHADAP HUKUM JENAYAH ISLAM

Bahagian A: Demografi

Soal selidik menunjukkan seramai 50 responden yang telah menjawab soal selidik dalam talian ini. Soal selidik ini tidak terhad kepada mahasiswa yang belajar di universiti sahaja, malah terbuka kepada semua golongan masyarakat. Daripada jumlah 50 responden, 86%, iaitu bersamaan 43 orang merupakan responden perempuan manakala 14%, iaitu bersamaan dengan 7 orang merupakan responden lelaki.

Soal selidik ini juga menunjukkan kategori agama responden yang telah menjawab soal selidik ini. Oleh sebab soal selidik ini hanya terbuka kepada golongan bukan Muslim di Malaysia, maka terdapat empat pilihan sahaja, iaitu agama Buddha, Hindu, Kristian dan juga lain-lain. Sebanyak 15 orang bersamaan dengan 30% yang beragama Hindu; 14 orang yang beragama Buddha yang bersamaan dengan 28%; 12 orang yang beragama Kristian bersamaan dengan 24% dan akhirnya 9 orang yang berlainan agama bersamaan dengan 18% telah menjawab soal selidik. Dalam konteks ini, responden yang berlainan agama mungkin golongan daripada negeri Sabah dan Sarawak.

Soalan yang seterusnya menunjukkan analisis tentang tahap pendidikan bagi responden yang telah menjawab soal selidik ini. Tujuan utama bahagian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan seseorang mengenai hukum jenayah Islam dan juga tahap pendidikan mereka. Peratusan tinggi menunjukkan bahawa 70% merupakan pelajar ijazah sarjana muda. Seterusnya 26% yang menjawab soal selidik ini merupakan pelajar Matrikulasi; Diploma dan Asasi. Peratusan yang paling kurang ialah 4% yang menunjukkan bilangan

pelajar SPM yang menjawab soal selidik ini.

Bahagian B: Analisis penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Muslim terhadap hukum jenayah Islam

Soalan satu merupakan soalan yang mengilustrasikan situasi seorang tertuduh telah dikenakan hukuman hudud kerana didakwa mencuri harta seorang. Hukuman yang dikenakan pula ialah potong pergelangan tangan kanan. Apa yang boleh diputuskan daripada graf ialah sebanyak 30% daripada jumlah responden tidak bersetuju dengan hukuman ini; manakala skala yang kedua, iaitu 28% telah sangat tidak bersetuju dengan pengaplikasian hukuman hudud terhadap tertuduh yang didakwa mencuri. Hukuman hudud sebenarnya ialah hukuman yang ditetapkan mesti dijalankan sebagaimana yang ditetapkan dalam Al-Quran dan Al-Sunnah dan tidak boleh diubah atas apa-apa alasan. Hukuman bagi jenayah hudud ini telah ditentukan kadarnya oleh Allah SWT dan tidak boleh diubah dan bersifat kekal. Hukuman ini dianggap sebagai hak Allah SWT dan menurut jumhur para fuqaha, jenayah hudud dibahagikan kepada beberapa, iaitu berzina, mencuri, qazaf, minum arak, merompak, dan murtad. Bagi kesalahan mencuri, menurut Firman Allah “Pencuri lelaki dan wanita maka potonglah tangan kedua-duanya sebagai balasan perbuatannya dan hukuman daripada Allah SWT dan sesungguhnya Allah itu maha perkasa lagi maha bijaksana.”

Soalan yang kedua pula berkenaan dengan suatu situasi yang berhubungan dengan hukuman sebatan sebanyak 100 kali dijatuhkan terhadap lelaki dan perempuan bujang yang melakukan persetubuhan di luar perkahwinan yang sah. Data menunjukkan bahawa sebanyak 12 responden yang bersamaan dengan 24% sangat setuju dengan situasi ini. Manakala 22% responden tidak pasti dengan hukuman ini dan 22% responden dengan bilangan yang sama sangat tidak bersetuju

dengan hukuman ini. Seterusnya, 18% responden, iaitu seramai 9 orang tidak setuju dengan hukuman ini. Responden yang sangat setuju dengan hukuman ini adalah sangat kurang, iaitu hanya 7 orang yang bersamaan dengan 14%. Maka, apa yang boleh disimpulkan ialah 20 responden secara keseluruhannya tidak setuju; 19 orang setuju dan hanya 11 orang tidak pasti dengan hukuman ini. Kesimpulannya, majoriti daripada responden bersetuju dengan hukuman hudud ini. Pada pendapat sebahagian besar daripada cendekiawan, pelaksanaan hudud dilihat sebagai *ultimatum* dan kemuncak yang melengkapkan pelaksanaan Islam di sesebuah negara. (Siti Zubaidah Ismail 2014).

Soalan yang ketiga pula berdasarkan hukuman *qisas*. *Qisas* dan diyat dilaksanakan apabila hakim mendapati bahawa jika seseorang itu bersalah kerana membunuh, maka waris mereka boleh memilih sama ada untuk meneruskan hukuman *qisas* atau menggantikannya dengan diyat atau memaafkannya. Matlamat utama skim pampasan sebegini adalah untuk memberikan jaminan pembelaan kepada ahli masyarakat, sama ada mereka yang terlibat secara langsung dengan kejadian jenayah atau mereka yang sentiasa peka dengan kejadian-kejadian jenayah dan ingin membantu menghalang kejadian jenayah yang berlaku (Scotland 2006). Terdapat tiga kategori yang memberikan respons dengan bilangan yang sama dan merupakan kadar yang tertinggi jika dibandingkan dengan bilangan yang memberi respons yang lain. Sebanyak 22% daripada jumlah responden telah bersetuju dengan hukuman *qisas*; 22% yang lain pula tidak pasti dengan hukuman ini dan 22% lagi pula sangat tidak bersetuju dengan hukuman ini. Yang tidak bersetuju dengan hukuman ini ialah 8 orang yang bersamaan dengan 16%. Akhirnya, 18% responden bersetuju dengan hukuman ini. Apa yang dapat disimpulkan ialah secara

amnya, 20 responden menerima pengaplikasian hukuman *qisas* dan diyat.

Soalan yang seterusnya juga berkenaan dengan hukuman *qisas* dan diyat. Berdasarkan soalan ini, apa yang boleh disimpulkan ialah peratusan tertinggi ialah 26%, iaitu 13 responden yang sangat setuju dengan hukuman ini. Manakala peratusan kedua tertinggi ialah 24% orang yang setuju dengan hukuman ini. Seterusnya bilangan bagi 9 responden yang tidak pasti mewakili 18%. Seterusnya, bilangan responden yang tidak setuju ialah 8 orang dengan peratusan 16%. Bilangan peratusan terendah ialah 8 responden, iaitu responden sangat setuju yang mewakili 16%. Berdasarkan soalan ini, apa yang boleh disimpulkan ialah jumlah yang bersetuju dengan hukuman ini tinggi kerana hukuman ini sama dan seimbang dengan kesalahan yang telah dilakukan. (Berita Harian 2018).

Seterusnya soalan yang kelima menunjukkan situasi berkaitan dengan hukuman takzir dikenakan terhadap seorang yang telah menukar jantinya. Berdasarkan kaedah *fiqh* bahawa kemudaratan itu mesti dihilangkan (al-Sayuti 1990), maka transeksual juga wajib dihilangkan. Mengikut data, peratusan yang tertinggi ialah 36% yang sangat tidak bersetuju dengan hukuman ini. Peratusan yang kedua tertinggi ialah 22% yang tidak bersetuju dengan hukuman ini. Seterusnya, 10 orang responden tidak pasti dengan hukuman ini yang bersamaan dengan 20%. Seterusnya, 12% responden setuju dengan hukuman ini, iaitu bersamaan dengan 6 orang. Purata yang paling rendah dalam graf ini ialah 10% yang sangat setuju dengan hukuman ini. Apa yang boleh disimpulkan daripada graf ini ialah majoriti daripada jumlah responden tidak bersetuju dengan hukuman takzir ini.

Soalan yang seterusnya adalah situasi berkenaan dengan penghinaan terhadap agama kaum lain. Peratusan tertinggi ialah 34%, iaitu sangat bersetuju dengan hukuman takzir yang dikenakan. Seterusnya, peratusan yang kedua tertinggi

ialah 32%, iaitu responden yang bersetuju dengan hukuman ini. 14% daripada jumlah responden pula tidak pasti dengan hukuman ini, manakala 12% responden yang bersamaan dengan 6 orang sangat tidak setuju dengan hukuman ini. Peratusan yang paling kurang ialah 8% yang menjawab tidak setuju dengan hukuman ini. Penulis melihat bahawa penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Islam terhadap hukum jenayah Islam adalah pelbagai dengan beberapa bahagian hukum masih boleh diterima dan beberapa bahagian lain yang tidak dipersetujui. Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan yang diperoleh, masyarakat bukan Islam masih kurang menerima hukum jenayah Islam.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP HUKUM JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA

Perundangan jenayah Islam sering mendapat tentangan dan kritikan daripada kalangan bukan Islam berbanding dengan perundangan Islam seperti muamalat dan munakahat. Tentangan dan kritikan ini berkemungkinan berpunca daripada beberapa faktor seperti wujud persepsi bahawa undang-undang jenayah Islam akan terkena ke atas mereka sekiranya ia dikuatkuasakan. Dalam *Islamic Law In Malaysia, Issues and Developments*, Hashim Kamali menyatakan bahawa surat edaran daripada Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh dan Tao (MCCBCHST) ada menyuarakan kebimbangan mereka berkaitan dengan hak kesamaan bukan Islam di dalam negara Islam. Menurut mereka, apabila hukum Islam dikuatkuasakan, maka bukan Islam tidak akan dilayan dengan adil dan tidak dibenarkan untuk menjadi saksi melawan orang Islam di dalam mahkamah syariah. Faktor kedua pula ialah selama ini wujudnya gambaran bahawa undang-undang jenayah Islam sebagai kejam, *barbaric* dan tidak bertoleransi.

Hakikatnya, terdapat golongan dalam kalangan bukan Islam sebenarnya masih belum mampu untuk membezakan antara tindakan orang Islam dengan inti pati ajaran Islam. Oleh sebab itu, mereka menyamakan antara kedua-duanya. Hal ini boleh diamati daripada kata-kata mereka seperti yang berikut:

If under the moderate domination of UMNO, we are already experiencing discriminations, what more, if Malaysia becomes an Islamic state? (Zulkifli 2013).

Ekoran daripada isu-isu seperti ini, penulis berpendapat bahawa cadangan mengenai penambahbaikan terhadap hukum jenayah Islam di Malaysia perlu diutarakan. Antara cadangannya ialah meningkatkan lagi hasil-hasil kajian ilmiah yang menonjolkan aspek-aspek *tasamuh* atau toleransi dalam undang-undang jenayah Islam. Hal ini kerana hukum jenayah Islam sering dilihat dari sudut hukumannya sahaja. Manakala aspek-aspek *tasamuhnya* jarang diketengahkan. Hal ini sedikit sebanyak menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan bukan Islam terhadap undang-undang jenayah Islam seperti undang-undang yang zalim, kejam dan menindas, tidak berperikemanusiaan, ketinggalan zaman dan sebagainya (Zulkifli 2013). Sebagai contoh, memperlihatkan konsep *tasamuh* dalam hukuman hudud, *qisas* dan takzir, iaitu proses pembuktian dan juga aspek pelaksanaan hukuman. Pensabitan seseorang dalam sesuatu kesalahan hukuman hudud perlu melalui proses pembuktian dan kesaksian yang terperinci dan berhati-hati bagi mengelakkan kesilapan dalam pensabitan dan pelaksanaan hukuman. Selain itu, hukuman sebat tidak boleh dijalankan ke atas pesalah lelaki mahupun wanita yang sedang sakit bagi mengelakkan kemudaratan ke atas diri pesalah berkenaan (Anon. 2015). Oleh hal yang demikian, satu penyelidikan secara mendalam dan bersistematik perlu

dijalankan, iaitu dengan memberikan tumpuan kepada penerokaan nilai-nilai *tasamuh* dalam undang-undang jenayah Islam.

Cadangan yang kedua ialah mewujudkan persekitaran yang kondusif. Langkah ini terbukti kerana Rasulullah SAW pernah melaksanakannya ketika zaman awal kerajaan Islam didirikan. Menurut Anon (2015), Rasulullah SAW sebelum menegaskan tentang hudud, Baginda mewujudkan suasana keadilan yang menyeluruh dalam masyarakat yang diperintah terlebih dahulu. Hak dan keadilan benar-benar ditegakkan, iaitu tidak wujud diskriminasi dan semua lapisan masyarakat setaraf di sisi undang-undang. Rasulullah SAW menyebut dengan mafhumnya “Demi Allah! Jika Fatimah anak Muhammad (puteri Rasulullah) itu mencuri, nescaya ku potong tangannya” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim). Bagi persoalan golongan bukan Islam pula, Islam mengiktiraf hak mereka terhadap pengamalan agama meskipun wujud elemen yang bercanggah dengan prinsip hukum Islam. Hal ini jelas menunjukkan ruang toleransi dan keanjalan Islam dalam menguruskan hubungan dengan penganut yang berbeza agama (Khairul 2016). Al-Qurtubi menjelaskan bahawa terdapat perbezaan pendapat ulama berkaitan dengan kedudukan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah ke atas bukan Islam. Sebahagian ulama seperti Imam Malik dan al-Syafie berpendapat bahawa mereka diberi pilihan sama ada mahu dihukum dengan hukum jenayah syariah atau tidak. Jika pandangan ini diambil, maka tidak akan timbul soal masyarakat berbilang kaum dan agama sebagai penghalang kepada pelaksanaan undang-undang jenayah syariah. Jika mereka tidak mahu memilih undang-undang jenayah syariah, mereka boleh diadili mengikut undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksan (Muhammad 2014). Oleh itu, pelaksanaan hudud di Malaysia memerlukan suasana yang kondusif kerana

apabila hukuman hudud itu dilaksanakan, ia akan mencapai matlamat hukum itu, iaitu tertegak keadilan, pencegahan dan pemeliharaan masyarakat.

Cadangan yang seterusnya pula adalah berkenaan dengan pelaksanaan dan pemantauan yang berterusan. Perkara ini adalah bagi memastikan perlaksanaan hukum jenayah Islam di Malaysia berjalan dengan sempurna dan menepati objektif syariah. Hukum jenayah Islam ini perlu diuruskan dengan teliti dan berhati-hati. Hukuman hudud akan gugur sekiranya terdapat unsur-unsur *syubhah* (keraguan) walaupun ia amat sedikit. Pemantauan yang berterusan terhadap proses kehakiman semasa prosiding berjalan perlu sentiasa dipantau. Oleh itu, penulis mencadangkan agar sebuah jawatankuasa pemantauan di peringkat negeri dan negara ditubuhkan. Program latihan untuk pihak-pihak berkuasa juga amat perlu dirangka dan dijalankan sebelum pelaksanaan hukuman jenayah Islam (Anon. 2015).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, isu berkenaan dengan penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Muslim di Malaysia terhadap hukum jenayah Islam merupakan sesuatu yang sangat penting dan perlu diambil berat. Hal ini kerana kehidupan dalam bermasyarakat sangat memerlukan undang-undang yang sempurna dan adil bagi menjamin ketenteraman negara. Bukan itu sahaja, walaupun undang-undang Islam dianggap sebagai undang-undang yang sesuai diaplikasikan kepada semua masyarakat pada semua zaman, tetapi masih terdapat segelintir masyarakat yang menolak pelaksanaan hukum jenayah Islam ini. Oleh itu, artikel ini telah mengupas mengenai perbincangan hukum jenayah Islam dari sudut budaya Malaysia, analisis penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Muslim di Malaysia terhadap hukum jenayah Islam dan cadangan penambahbaikan terhadap hukum jenayah Islam di Malaysia.

Berdasarkan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa terdapat hukuman jenayah Islam yang diterima dan ditolak oleh responden. Setiap responden mempunyai sebab yang tersendiri mengapa responden berpendapat sedemikian. Perkara ini dapat dilihat apabila majoriti responden berpendapat bahawa hukuman hudud tidak wajar dilaksanakan di Malaysia. Hal ini kerana hukuman hudud yang dikenakan melalui undang-undang Islam tidak sesuai dengan masyarakat pada masa ini. Bukan itu sahaja, terdapat juga hukum jenayah Islam yang majoriti responden bersetuju terhadap pelaksanaannya, iaitu hukuman berkaitan *qisas* dan diyat. Hal ini kerana hukuman ini setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Manakala, terdapat majoriti responden yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan hukuman takzir berkenaan dengan isu penukaran jantina. Selain itu, bagi kesalahan penghinaan ke atas agama lain, majoriti responden menjawab tidak pasti dengan hukuman takzir yang dikenakan.

Cadangan penambahbaikan terhadap hukum jenayah Islam di Malaysia adalah dengan meningkatkan lagi hasil-hasil kajian ilmiah yang menonjolkan aspek-aspek *tasamuh* atau toleransi dalam undang-undang jenayah Islam. Bukan itu sahaja, persekitaran yang kondusif juga perlu bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan hukum jenayah Islam. Persekitaran yang kondusif penting agar dapat mencapai matlamat hukum jenayah Islam itu sendiri, iaitu menegakkan keadilan, pencegahan dan pemeliharaan masyarakat. Cadangan yang seterusnya adalah dengan pelaksanaan dan pemantauan yang berterusan. Hal ini bagi memastikan pelaksanaan hukum jenayah dapat dijalankan dengan sempurna dan selari dengan objektif syariah. Melalui cadangan-cadangan ini, pelaksanaan hukum jenayah Islam dapat dilaksanakan di Malaysia walaupun masyarakatnya terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.

Kesimpulannya, wujud penerimaan dan penolakan masyarakat bukan Muslim terhadap hukum jenayah Islam di Malaysia. Hal ini kerana dalam memahami, mengaplikasi dan mematuhi hukum jenayah Islam, pasti ada kelebihan dan kekurangan dalam undang-undang itu sendiri. Bukan itu sahaja, terdapat juga segelintir masyarakat bukan Muslim yang tidak bersetuju dan membantah pelaksanaan hukum jenayah Islam. Namun terdapat juga masyarakat bukan Muslim yang dapat menerima hukum jenayah Islam kerana mereka melihat betapa pentingnya undang-undang ini terhadap isu jenayah di Malaysia. Oleh itu, kerjasama dalam membanteras jenayah sewajarnya dipikul secara bersama tanpa mengira agama, bangsa dan kepercayaan politik agar ketenteraman negara terjamin.

NOTA

¹ Al-Quran, Al-Maidah 5:3.

² J. Law (ed), *Dictionary of Law*, Oxford University Press, Oxford, 2018, p 392.

³ Pindaan dibuat ke atas enakmen tersebut pada 18 Mac 2015, dan dipanggil sebagai Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) (2015) KJS 2015.

⁴ Mengambil model daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dengan pindaan semasa kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura pada 1963.

⁵ Roger Tan, 'No room for hudud law', *The Star*, 6 Jun 2016, <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/with-all-due-respect/2016/06/05/no-room-for-hudud-law#:~:text=Section%20493%20makes%20it%20an,him%20when%20she%20is%20not.> (16 Mei 2021).

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul Aziz Bari. 2002. Halangan-halangan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di dalam Perlembagaan Malaysia. *Jurnal Syariah* 10(1): 31-42.

Abdul Hamid Mohamad. 2014. Implementation of Hudud in Brunei: differences between Brunei and Malaysia. *Islam and Civilisational Renewal* 5(2): 149-161.

Abdul Monir Yaacob. 2009. Pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia: satu penilaian. *Jurnal Fiqh* 6(1): 1-20.

Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2009. Implementing Islamic law within modern constitutional framework: challenges and problems in contemporary Malaysia. *Islamic Studies* 48(2): 157-187.

Ahmad Ibrahim & Ahimelah Joned. 2007. *Sistem Undang-Undang di Malaysia*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alu Syaikh, Abdullah bin Muhammad (pnys.). 2014. *Tafsir Ibnu Kathir*. Jilid 3. Jakarta: Pustaka Imam Syafi'i.

Anon. 2015. *Hudud Satu Penjelasancetakan Pertama*. Majlis Agama Islam Selangor (Mais). Selangor Darul Ehsan. Shah Alam.

Anon. 2014. Salah faham punca pelaksanaan hudud ditolak?. *Sinar Harian*, 6 Mei.

al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1987. *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi qawa'id wa furu' fiqhi al-Syafi'yyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Berita Harian. 2018. 14 Oktober.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2020. *Kamus Dewan Perdana*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamdani. 2020. Konsep falsafah penghukuman dalam Islam. *Jurnal Reusam* 8(1): 29-41.

Kementerian Perpaduan Negara. 2021. *Dasar Perpaduan Negara*.

- Kementerian Perpaduan Negara. 2021. *Rangka Tindak (Blueprint) Perpaduan Negara 2021 -2030*.
- Khairul Azhar Bin Meerangani. 2016. *Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial Dengan Non-Muslim Di Malaysia Daripada Perspektif Hukum Islam*. University Of Malaya. Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mansor Sulaiman. 2014. Hudud sebagai jaminan kesejahteraan masyarakat: perlaksanaannya di Malaysia. *International Social Development Conference 2014*, hlm. 99-108.
- Marzuki Mohamad. (2008). Religion, Human Rights and Constitutional Contract Politics in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 16(2), 155-186.
- Mohammad Hashim Kamali, 1998. Punishment in Islamic law: a critique of the Hudud bill of Kelantan, Malaysia. *Arab Law Quarterly* 13(3): 203-234.
- Mohd Farhan Abd Rahman, Muhd Imran Abd Razak, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Muhamad Khafiz Abdul Basir & Nurul Khairiah Khalid. 2019. Kedudukan perundangan jenayah Islam dan adat ke atas masyarakat Melayu di Tanah Melayu menurut pandangan orientalis: rujukan khusus terhadap R.O. Winstedt. *Jurnal 'Ulwan* 4(1): 86-99.
- Mohd Mustaffa Jusoh@Yusoff, Mohd Musa Sarip, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ezad Azraai Jamsari & Noorsafuan Che Noh. 2017. Kelangsungan syariat Islam menerusi perundangan Malaysia. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law* 13(4): 161-169.
- Mohd Nasran Mohamad, Zuliza Mohd Kusrin, Nurhafilah Musa, Anwar Fakhri Omar & Mohd Zamro Muda. 2015. Perkembangan dan cabaran pelaksanaan undang-undang Hudud di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015*, hlm. 471-481.
- Muhammad Fathi Yusof. 2014. Kesesuaian pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. Dlm. Azhar Yahya (pnyt.). *Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori & Realiti*, hlm. 108-132. Batu Caves: KUIZM Publication.
- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Anwar Fakhri Omar, Mohammad Zaini Yahaya, Muhammad Adib Samsudin, Mohd Al Adib Samuri. 2015. Undang-Undang Islam Menelusuri Globalisasi. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam*, hlm. 471-481.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Solehah Shapiee 2018. Autoriti Agama di Malaysia: Kedudukan dan Kritikan. *International Journal of Islamic Thought* 14(1): 72-85.
- Paizah binti Ismail. 2002. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.
- Sa'id bin Ibrahim. 1996. *Qanun Jinayah Syar'iyah dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Sayed Sikandar Shah Haneef. 2010. Discourse on Hudud in Malaysia: addressing the missing dimension. *Journal of Islamic Law and Culture* 12(2): 131-144.
- Scotland. 2005. Scottish Crime and Victimization Survey: Calibration Exercise: A Comparison of Survey Methodologies. 27.
- Shamsul Amri Baharuddin (pnyt.). 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Ed. ke-2.

Bangi: Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamrahayu A Aziz. 2009. Some thoughts on the relationship between law and religion in Malaysia. *Current Law Journal* 1(1): 19-34.

Siti Zubaidah Ismail. 2012. Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme": Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 22(2): 193-212.

Zul-Kifli bin Hussin. 2013. Tasamuh dalam undang-undang jenayah Islam: satu kajian terhadap persepsi pelajar-pelajar bukan Islam di institut-institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Ahmad Iqbal bin Azman
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
E-mel: azmanahmadiqbal@gmail.com

Nurhayati binti Mohd Zan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
E-mel: nhatizan@gmail.com

Elavarasi Manokaran
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
E-mel: elavarasimanokaran@gmail.com

Zulaikha Solehah binti Ismail
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
E-mel: Zulaikhasolehah123@gmail.com